

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN R. SIVARASA [SUBANG]

TARIKH : 9.6.2014

SOALAN :

Tuan R. Sivarasa [Subang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kerajaan Barisan Nasional sedia meluluskan satu lesen baru untuk Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Seaport di lokasi asalnya di SS7 Kelana Jaya dan kekalkan lesen lamanya di sekolah baru yang sekarang berada di Kampung Lindungan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tidak berhasrat mengekalkan SJKT Seaport, Petaling Jaya, Selangor di tapak asal Jalan SS7/4 , Kelana Jaya, Selangor kerana KPM telah menyediakan sebuah sekolah yang baharu di Jalan PJS 6/4 , Kampung Lindungan, 46150 Petaling Jaya, Selangor dan telah mula beroperasi 1 Januari 2014.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, istilah lesen baharu atau lesen lama bagi sebuah sekolah tidak disebut dalam Akta Pendidikan 1996. Oleh itu, sebarang usaha daripada pihak tertentu yang cuba mengekalkan sekolah tersebut di tapak asal telah melanggar undang-undang kerana mengoperasikan sekolah tanpa kebenaran Ketua Pendaftar.